

## AKAUN SIMPANAN-i (KONSEP WADI`AH YAD DHAMANAH)

### TERMA DAN SYARAT

#### 1. Akaun Bersama (Jika berkenaan)

- 1.1 Kami, pemegang akaun bersetuju dengan cara pengendalian akaun seperti yang ditetapkan di dalam Borang Pembukaan Akaun Simpanan-i & Contoh Tandatangan yang ditandatangani oleh kami. Kami juga bersetuju dan memperakui bahawa mandat yang diberi dalam pengendalian akaun boleh ditamatkan oleh salah seorang daripada kami dan pihak Bank berhak untuk bertindak atas arahan yang sama. Dalam keadaan demikian, Bank boleh mengikut budibicaranya untuk tidak membenarkan apa-apa pengeluaran dibuat daripada akaun tersebut sehingga menerima mandat baru daripada kami.
- 1.2 Dengan ini kami, pemegang akaun memberi kuasa kepada tuan untuk mengkreditkan ke dalam Akaun Bersama kami dan ada instrumen boleh niaga kepunyaan atau yang dibayar kepada salah seorang/mana-mana daripada kami. Sebagai balasan terhadap perkara di atas dan oleh sebab Bank bersetuju untuk memasukkan semua jumlah yang diterima oleh Bank daripada cek dan instrumen boleh niaga lain atas nama salah seorang/mana-mana daripada kami untuk dikredit ke akaun bersama kami dan untuk menghantar apa-apa instrumen atau cek yang Bank mungkin pegang untuk akaun bersama kami kepada salah seorang/mana-mana daripada kami, kami secara bersama dan berasingan mengakujaji untuk tidak memudaratkan Bank dan terus menanggunggrugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti-liabiliti lain apa sahaja dan bila-bila masa yang ditanggung atau berikutan daripada kebenaran di atas, tertakluk kepada hak Bank untuk menolak pada bila-bila masa dan mengikut budibicara Bank atau apa juga sebab apa-apa instrumen atau cek yang diterima.

#### 2. Akaun Orang Di bawah Umur (Jika berkenaan)

- 2.1 Dengan ini, saya/kami mengesahkan dan bersetuju bahawa akaun ini bukan akaun amanah mahupun akaun bersama dengan orang dibawah umur yang tertakluk kepada Undang-Undang Syariah. Saya/Kami adalah penjaga/ibubapa kepada pemegang akaun orang di bawah umur dan bersetuju dan mengesahkan bahawa saya/kami adalah pelanggan/pelanggan- pelanggan Bank.
- 2.2 Saya/Kami bersetuju apabila orang di bawah umur tersebut mencapai umur 12 tahun, saya/kami akan memberi arahan baru dan mandat bagi pengendalian akaun tersebut. Sekiranya tiada arahan sedemikian, kuasa untuk meneruskan pengendalian akaun tersebut hendaklah diserahkan kepada saya/kami dan orang di bawah umur tersebut secara bersama dan akaun tersebut hendaklah dikendalikan dengan mandat "Salah Seorang Akan Menandatangani".
- 2.3 Sekiranya saya/kami meninggal dunia sebelum orang dibawah umur tersebut mencapai umur 12 tahun, akaun tersebut akan dibekukan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan akaun tersebut hendaklah di rujuk kepada wasi/pentadbir harta pusaka saya/kami. Pihak Bank berhak untuk bertindak atas nasihat penasihat undang-undangnya. Kos dan perbelanjaan yang ditanggung akan didebitkan daripada akaun di atas.
- 2.4 Sekiranya orang dibawah umur meninggal, saya/kami sebagai pemegang amanah boleh mengeluarkan atau menutup akaun berkenaan.

#### 3. Akta Wang Tak Dituntut 1965 (UMA)

- 3.1 Saya/Kami maklum akan peruntukan mengenai Akta Wang tak Dituntut 1965, bahawa akaun simpanan-i saya/kami akan dikelaskan sebagai wang tak dituntut tujuh (7) tahun dari tarikh urusniaga terakhir yang dikendalikan oleh saya/kami dan dana di dalam akaun hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 3.2 Saya/Kami bersetuju untuk menghadirkan diri ke Bank sebelum tamat tempoh tujuh (7) tahun yang tersebut di atas untuk membuat pengeluaran atau deposit bagi mengaktifkan akaun. Sebagai balasan kepada pihak Bank kerana bersetuju terhadap permohonan saya/kami, saya/kami bersetuju dan mengakujaji untuk tidak mempertanggungjawabkan dan menanggunggrugi pihak Bank terhadap semua liabiliti bagi apa-apa kelewatan/ketinggalan/kesilapan dalam menjalankan arahan-arahan saya/kami yang tersebut di atas.

## AKAUN SIMPANAN-i (KONSEP WADI`AH YAD DHAMANAH)

### TERMA DAN SYARAT

- 3.3 Jika saya/kami gagal mengaktifkan akaun, saya/kami sedar bahawa Bank akan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari sebelum dana dalam akaun dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

#### 4. Akaun Pendam/Dorman

- 4.1 Akaun Simpanan-i yang tidak aktif selama satu (1) tahun dari tarikh transaksi terakhir tidak termasuk transaksi hibah bulanan akan dikategorikan sebagai akaun pendam.
- 4.2 Sekiranya baki akaun pendam adalah RM10 dan ke bawah, maka akaun tersebut akan ditutup dan baki akaun akan diserap sebagai caj perkhidmatan cawangan setelah notis 21 hari yang dihantar kepada pelanggan telah tamat tempoh.

#### 5. Am

- 5.1 Saya/Kami diberikuasa untuk membuka rekod pelanggan di atas dan dengan ini memberi butir-butir yang diperlukan untuk membuka akaun tersebut dan mengaku bahawa semua maklumat adalah betul. Saya/Kami mengakujajani untuk memaklumkan pihak Bank mengenai apa-apa perubahan kepada butir-butir peribadi saya/kami.
- 5.2 Pihak Bank dibenarkan untuk mencari dan mendapatkan maklumat lengkap berkenaan dengan permohonan saya/kami daripada sumber dan apacara yang terbaik oleh pihak Bank.
- 5.3 Pihak Bank berhak menolak permohonan saya/kami pada bila-bila masa tanpa memberikan apa-apa sebab. Bank juga berhak menutup akaun simpanan-i saya/kami di bank sekiranya maklumat-maklumat yang saya/kami berikan mencurigakan dan didapati tidak benar.
- 5.4 Saya/Kami telah menerima, membaca dan memahami sepenuhnya Terma-Terma dan Syarat-Syarat/Peraturan Akaun Simpanan-i Bank.
- 5.5 Saya/Kami bersetuju untuk mematuhi semua syarat/peraturan yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 5.6 Saya/Kami bersetuju untuk menerima apa-apa maklumat berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa melalui saluran komunikasi seperti Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan e-mel menggunakan nombor telefon dan alamat e-mel seperti yang diberikan di borang permohonan pembukaan Akaun Simpanan-i. Sekiranya saya/kami telah bertukar nombor telefon dan alamat e-mel, saya/kami akan memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis untuk pengemaskinian.

#### 6. Kad Rakyat (Jika berkenaan)

- 6.1 Saya/Kami, pemegang akaun di atas mengesahkan telah membaca dan memahami Terma dan Syarat Kad Rakyat dan dengan ini bersetuju bahawa Terma dan Syarat Kad Rakyat adalah mengikat keatas saya/kami.
- 6.2 Saya/Kami bersetuju untuk membuat pembayaran keatas caj-caj perkhidmatan mengikut ketetapan pihak Bank.